

ANALISIS DAN TAKHRIJ HADIS MENGENAI PERIWAYATAN HADIS SYIAH
[ANALYSIS AND TAKHRIJ OF HADITH REGARDING SHIIA HADITH HISTORY]

NUR AINA MARDHIAH CHE RAHIM¹, AMRINA RASYADA KAMARUZAMAN¹,
SITI NURONI MOHAMED¹, NUR SYUHADA MOHD SUBRI¹, NIK YUSRI MUSA¹

¹ Fakulti Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan, MALAYSIA
Email: n.ainamardhiah11@gmail.com; amrina.rasyada93@gmail.com;
nuroni.mohamed@gmail.com; syuhadasubri91@gmail.com; nikyusri@umk.edu.my

*Corresponding Author: amrina.rasyada93@gmail.com

Received Date: 10 November 2023 • Accepted Date: 21 December 2023

Abstrak

Adalah menjadi satu kewajipan kepada setiap muslim untuk merujuk kepada sumber dan panduan yang utama iaitu al-Quran dan hadis bagi setiap permasalahan yang semakin banyak menyentuh sensitiviti agama pada hari ini. Peranan hadis sangat penting dalam mentafsirkan keraguan, menjelaskan sesuatu hukum serta mengkhususkan perkara yang umum dalam Al-Quran dari sudut aqidah, ibadat, akhlak dan muamalat (Abullaith, 2011). Namun begitu, dalam suasana perbezaan ideologi, pegangan dan mazhab di kalangan umat Islam, Syiah memiliki jalur dan kefahamannya tersendiri dalam dunia hadis. Kajian ini menggunakan konsep kualitatif berdasarkan kajian kepustakaan yang bersumberkan buku Kutub As-Sittah dan kajian yang berkaitan. Hasil kajian mendapati hadis-hadis yang dikemukakan oleh Syiah adalah maudhu' dan apa yang membimbangkan adalah usaha mereka yang cuba mencipta hadis menyerupai hadis yang terdapat dalam buku Kutub As-Sittah. Oleh hal demikian, usaha sebegini amat penting untuk diketengahkan kepada masyarakat agar kritikan dan panduan diberi dengan jelas bagi membendung hadis-hadis Syiah dari tersebar dalam masyarakat. Amalan 'semak sebelum sebar' juga wajar dijadikan pegangan seharian untuk mengelakkan dari taasub dan mengamalkan perkara yang palsu atau tiada asas dalam agama.

Keywords: Periwayatan Hadis, Syiah, Ahlu Sunnah wal Jamaah, Takhrij

Abstract

An obligation for every Muslim to refer to the main source and guide which is the Quran and the hadith for every problem that is increasingly touching religious sensitivities today. The role of

hadith is very important in interpreting doubts, clarifying certain laws and specifying general matters in the Al-Quran from the point of view of belief, worship, morality and muamalat (Abullaith, 2011). Nevertheless, in the atmosphere of differences in ideology, beliefs and sects among Muslims, Shia have their own path and understanding in the world of hadith. This study uses a qualitative concept based on a literature study that is sourced from the Kutub As-Sittah and related studies. The results of the study found that the hadiths presented by the Shia are maudhu' and what is worrying is the efforts of those who try to create hadiths similar to the hadiths found in the book of Kutub As-Sittah. Therefore, this effort is very important to be highlighted to the community so that criticism and guidance are given clearly to stop Shia hadiths from spreading in the community. The practice of 'check before spreading' should also be used as a daily rule to avoid persevering and practicing things that are false or have no basis in religion.

Kata Kunci: Hadith narration, Shia, Ahlu Sunnah wal Jamaah, Takhrij

Cite as: Nur Aina Mardhiah Che Rahim, Amrina Rasyada Kamaruzaman, Siti Nuroni Mohamed, Nur Syuhada Mohd Subri & Nik Yusri Musa. 2023. Analisis dan Takhrij Hadis Mengenai Periwayatan Hadis Syiah [Analysis And Takhrij of Hadith Regarding Shiia Hadith History]. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 7(2): 22-36.

PENGENALAN

Dalam kita meniti arus marcapada ini, dunia semakin tercabar dengan pelbagai isu yang banyak menyentuh sensitiviti agama. Ia menjadi satu kewajipan kepada setiap muslim untuk merujuk kepada sumber dan panduan yang utama iaitu al-Quran dan hadis bagi setiap permasalahan dan isu yang timbul. Peranan hadis sangat penting dalam mentafsirkan keraguan, menjelaskan sesuatu hukum serta mengkhususkan perkara yang umum dalam Al-Quran dari sudut aqidah, ibadat, akhlak dan muamalatⁱ (Abullaith, 2011). Hal ini ditegaskan dalam al-Quran berdasarkan firman Allah S.W.T:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نَزَّلْنَا إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan : Dan Kami turunkan kepadamu Al Quran, agar kamu menerangkan pada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan. (An-Nahl: 16:44)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW ditugaskan untuk menyampaikan risalah dari Allah kepada ummat manusia dan boleh didapati dalam hadis. Hal ini menunjukkan bahawa hadis merupakan tunjang dan asas penerangan kepada al-Quran. Ia adalah suatu disiplin ilmu yang sumbernya berautoriti iaitu melalui jalur daripada Nabi Muhammad (SAW).

Jika disoroti sejarah pembudayaan ilmu ketika zaman baginda Rasulullah SAW, ia sentiasa subur dengan pelbagai majlis ilmu. Setiap persoalan dan hukum-hakam akan terus dijawab oleh baginda SAW. Hal ini boleh dilihat kepada keadaan sahabat pada zaman baginda SAW:

1. Sebagai tempat rujukan untuk setiap permasalah yang timbul

Para sahabat *radhiallahuanhum* sentiasa melazimi baginda dan akan merujuk untuk setiap permasalahan dan musykil yang timbul. Umpamanya wanita Ansar yang sentiasa bertanya baginda SAW perihal hukum hakam permasalah wanita. Walaupun permasalahan yang berlaku adalah berkaitan wanita, namun ia tidak menghalang mereka untuk bertanya kemosykilan yang timbul agar dapat penjelasan yang tepat dari Nabi SAW tentang perkara agamanya. Hal ini boleh dilihat melalui hadis berikut, Sayyidatina Aisyah RA berkata:

وقالت عائشة: نعم النساء نساء الأنصار لم يمنعهن الحياة أن يتفقهن في الدين

Terjemahan: “Sebaik-baik perempuan adalah kaum wanita Ansar. Tidaklah rasa malu menghalangi mereka untuk bertafaqquh (mendalamai) ilmu agama.” [Al-Muslim, Sahih, Kitab al-Haid, Bab Istihbabu Isti’mal Al-Mughtasilah,no hadis: 61].

2. Para sahabat juga bergilir-gilir melazimi majlis ilmu yang Nabi SAW anjurkan. Para sahabat Nabi SAW tidak akan mensia-siakan masa kebersamaan dengan baginda SAW sehingga ada yang sanggup tidak berkerja. Hal ini boleh dilihat pada hadis berikut:

وَإِنَّ إِخْوَتِي مِنَ الْمُهَاجِرِينَ كَانَ يَشْغُلُهُمْ صَدْقَةُ الْأَسْوَاقِ، وَكُنْتُ أَلْزَمُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى مَلْءِ بَطْنِي، فَأَشْهُدُ إِذَا غَابُوا، وَاحْحَفِظُ إِذَا نَسُوا.

Maksudnya: “Sesungguhnya saudara kami dari golongan muhajirin sibuk dengan urusan mereka dipasar dan orang-orang Anshar sibuk bekerja di ladang mereka, sementara aku seorang yang miskin sentiasa bersama Rasulullah di mil’i batni. Aku hadir di majlis yang mereka tidak hadir dan aku hafal pada saat mereka lupa”. [Riwayat Bukhari, Kitab Al-Buyu’, Bab Ma Ja’a fi Qaulillah Ta’ala Faiza Qudhiyat As-Solah Fantashiru fi Al-Ardh, No Hadis:2047]

3. Menyampaikan ilmu kepada orang lain

Para sahabat RA sentiasa merasakan kewajipan untuk menyampaikan ilmu yang disampaikan oleh baginda Rasulullah SAW. Hal ini sepetimana Rasullullah SAW bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُو أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: بَلَغُوا عَنِي وَلَوْ آتَيْتُهُمْ وَحْدَنِي عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ وَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مَتَعَمِّدًا فَلَيَتَبَوَّأْ مَقْعِدَهُ مِنَ النَّارِ.

Terjemahan: Daripada ‘Abdullah bin ‘Amru bin al-‘Ash, Rasulullah SAW bersabda: “Sampaikanlah dariku walau satu ayat, dan ceritakanlah tentang Bani Israil tanpa perlu takut. Dan barangsiapa berbohong ke atasku dengan sengaja maka bersiaplah dia mengambil tempatnya di neraka”[Riwayat Bukhari, Kitab Ahadis Al-Anbiya’, Bab Ma Zukira ‘An Bani Israel, No hadis: 3461].

Setelah baginda wafat, pengajian ilmu tidak terhenti di situ sahaja, malah dengan wujudnya faktor perluasan kuasa dan wilayah dan pertambahan ilmu yang pelbagai serta wujudnya pelbagai bahasa baru yang memerlukan gesaan kepada penelitian jawapan dan hukum dari para sahabat radhiallahuanhum dan tabiin. Penelitian ini membawa kepada perubahan metodologi hadis khususnya melibatkan proses penyampaian dan juga proses pemeliharaan hadis.

Justeru, dalam disiplin penyampaian ilmu, setiap percakapan atau pemberian hukum dalam sesuatu hadis, maka para sahabat *radhiallahuanhum* akan meminta kepada pembuktian melalui saksi. Mereka sentiasa berhati-hati apabila mereka ingin menyebutkan sesuatu yang dinisbahkan kepada Nabi SAW kerana mereka khuatir jika tersilap sehingga mengakibatkan pendustaan atas nama Nabi SAW sepihiknya hadis dari Abu Hurairah radhiallahu anhu dia berkata: Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَذَّبَ عَلَيَّ مُتَّهِمًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَعْدَةً مِنْ النَّارِ

Terjemahan: “Barangsiapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja maka hendaklah dia mempersiapkan tempat duduknya di neraka”. (HR. Al-Bukhari no. 107 dan Muslim no. 3).

Berdasarkan hadis di atas, jelas kepada kita bahawa hadis Nabi (SAW) adalah sumber syariat yang terpelihara dari unsur penipuan dan tokok tambah. Hal ini dilihat dengan adanya sistem ‘sanad’ yang menjaga dan memelihara keaslian sumber dari Nabi SAW. Dalam ilmu *mustalah hadith*, *sanad* ialah rantaian perawi meriwayatkan sesuatu hadis dari perawi pertama sehingga perawi terakhir yang disebutkan sebelum matan (teks hadis). Istilah sanad juga digunakan bagi perbuatan menyebut atau menyatakan rantaian perawi bagi sesuatu hadisⁱⁱ.

Ia merupakan elemen yang amat penting untuk menilai kedudukan sesuatu hadis itu sama ada diterima atau ditolak. Sesuatu hadis itu dianggap batil ketika mana sanad itu terputus dari Nabi SAW dan gugurnya beberapa syarat yang dikehendaki. Sanad yang memenuhi syarat tertentu akan memberi kelayakan atau autoriti kepada hadis itu untuk dibuat sebagai hukum syariat. Sesuatu hadis diukur dan dikaji berasaskan kepada prinsip dan kaedah khusus yang teliti dan tepat, tanpa mengira siapa yang bercakap. Ilmu *Jarh Ta'dil* yang akan menentukan kedudukan dan kebenaran sesuatu hadis. Ini menunjukkan betapa tinggi nilai dan kaedah yang digariskan oleh para ulama terdahulu dalam menjamin kredibiliti status hadis Nabi SAW.

Namun begitu, dalam suasana perbezaan ideologi, pegangan dan mazhab di kalangan umat Islam, terdapat satu golongan yang memiliki jalur dan kefahamannya tersendiri dalam dunia hadis, iaitu golongan Syiah. Mengikut kajian, kemasukan Syiah Imamiyah Ithna ‘Ashariyyah ke Malaysia mula tersebar menjelang tahun 80-an selepas berlaku Revolusi Iran 1979. Revolusi Iran 1979 memiliki pengaruh yang besar ke Asia Tenggara sehingga fahaman Syiah mula masuk serentak ke negara-negara Asia pada ketika ituⁱⁱⁱ.

KEMUNCULAN DAN ASAL-USUL PERKATAAN SYIAH

Perkataan Syiah bermaksud kumpulan dari kelompok manusia yang mengikuti antara satu sama lain^{iv}. Ia juga boleh didefinisikan sebagai kaum yang berkumpul kerana sesuitau perkara atau

kerana pemimpin, dan mengikuti antara satu sama lain^v. Menurut Al-Jaizawi, kumpulan Syiah ini dikenali juga dengan nama “As-Syiah Al-Imamiyyah Al-Ithna ‘Asyriah Al-Rafidhah” yang membawa maksud Saidina Ali adalah yang berhak mewarisi pemerintahan selain Abu Bakar, Umar dan Ustman^{vi}. Kumpulan ini juga dikenali dengan panggilan nama berikut:

1. Al-Imamiyyah

Ia dikenali dengan nama ini kerana imamah Ali r.a selepas Nabi SAW telah dinas oleh Allah SWT. Beliau adalah umat yang terbaik selepas Rasulullah SAW dan merupakan orang pertama yang memimpin imamah^{vii}.

2. Al-Ja’fariyyah

Nama ini dinasabkan kepada Imam Ja’far As-Sadiq iaitu imam keenam. Ja’far As-Sadiq merupakan ahli fuqaha’ pada zamannya.

3. Ar-Rafidh atau Ar-Rafidhah

Dinamakan dengan gelaran ini kerana mereka menolak kepimpinan Abu Bakar dan Umar.

4. Al-Ithna ‘Asyriah

Dinamakan dengan gelaran ini kerana terdapatnya dua belas imam.

Menurut sejarah, pemikiran Syiah dibawa masuk oleh ‘Abd Allah bin Saba’ yang beragama Yahudi. Beliau berasal dari San'a Yaman dan dikatakan telah melakukan pengembaraannya ke beberapa kota besar seperti Hijaz, Basrah, Kufah, Syam dan lain-lain lagi. Tujuannya adalah untuk menyebarkan kefahamannya dan mengalihkan mereka dari kettaatan kepada para imam^{viii}. Beliau menzahirkan semangat membuat benda baik dan mencegah perkara mungkar, dan berselindung di sebalik sukakan beribadah, dan berjaya menimbulkan fitnah kepada Khalifah Usman bin ‘Affan sehingga beliau terbunuh dalam kezaliman^{ix}.

Menurut ulama Syiah, perkataan Syiah mula disebut melalui lisan Aban bin Taghlib. Beliau berpendirian perlu mendahulukan pandapat Saidina Ali jika terdapat perselisihan pendapat antara Rasulullah SAW dengan Saidina Ali. Manakala jika wujudnya percanggahan antara pendapat Saidina Ali dan Ja’far As-Sadiq, maka perlu mendahulukan pendapat Ja’far As-Sadiq^x.

Ibnu Hajar (1326H) menjelaskan lafadz ‘tasyayyu’ ini dalam kefahaman ulama Salaf ialah mempercayai bahawa Ali lebih utama daripada Utsman, atau bahawa Ali di pihak yang benar dalam semua peperangannya dan menyalahi pendapatnya adalah satu kesilapan. Namun mereka tetap mendahulukan dan mengutamakan al-Syaikhain (Abu Bakar r.a dan Umar r.a sebagai khalifah).

Walaupun begitu, kredibiliti periwayatan Aban bin Taghlib menjadi perbahasan para ulama. Imam al-Zahabi berkata, “Aban bin Taghlib al-Kufi, adalah Syiah, namun beliau amanah (saduq), maka kejururnya (diterima) bagi kami dan (wujud) bid’ah baginya. Beliau

dinilai thiqah oleh Ahmad bin Hanbal, Ibn Ma'in dan Abu Hatim”^{xi}

Hadis yang diriwayatkan oleh Syiah adalah dikatakan hadis-hadis yang disampaikan oleh Nabi S.A.W dan para imam-imam Syiah. Para imam sebagai pengganti Nabi S.A.W telah memiliki dua keistimewaan , iaitu warisan ilmu dan ‘ismah^{xii}. Ismah membawa maksud Saidina Ali dan para imam yang dilantik tidak melakukan kesilapan dan segala yang keluar dari lisan mereka adalah yang betul malah mereka hanya melakukan perkara yang baik sahaja^{xiii}.

Menurut Al-Jaizawi, para imam Syiah bersifat ma'sum ketika zaman kecil lagi, bahkan mereka tidak membuat dosa samada secara sengaja atau ketika lupa^{xiv}. Rentetan dari pegangan inilah yang menjadikan hadis-hadis yang disandarkan kepada imam mereka adalah sahih tanpa disyaratkan kepada bersambung sanad. Kata-kata para imam setaraf dengan sabda baginda nabi SAW. Dan hujjah inilah yang dipegang oleh aliran mereka sehingga hari ini.

Menjelaskan perkara ini, imam as-Soduq ada mengungkapkan dalam kitab “اعقادات”^{xv} iaitu “Iktikad kita kepada imam-imam ialah mereka semua terpelihara daripada dosa, suci daripada segala kekejian dan bahawasanya mereka tidak melakukan dosa sama ada kecil atau besar”^{xvi}.

Pegangan ini bersamaan dengan prinsip yang dipegang oleh Imam Syiah yang lain, iaitu al-Majlisi dalam pegangannya: “Dan kemudian, wajiblah kamu beriktikad pada nabi SAW dan para imam-Allah berselawat ke atas merka- mempunyai sifat maksum dari awal usia hingga akhir usia mereka, maksum daripada dosa kecil mahupun besar, begitu juga dengan para nabi dan malaikat. Sesungguhnya mereka (para imam) pula semulia-mulia dari sekalian nabi dan malaikat. Mereka mengetahui segala ilmu para nabi, mengetahui apa yang telah dan akan berlaku sehinggalah ahri kiamat. Di sisi mereka kesan para nabi dan kitab-kitab mereka seperti Taurat, Injil, Zabur, suhuf Adam, Ibrahim, dan Shith, tongkat nabi Musa, cincin nabi Sulaiman, kemeja nabi Ibrahim, tabut, alwah dan lain-lain lagi”^{xvii}.

Syiah percaya bahawasanya para imam adalah ma'sum dan mempunyai sifat ismah. Mereka terpelihara dari dosa sejak dari kecil lagi. Secara asasnya, menurut Nuh Ali (1999), konsep ismah pegangan Syiah ini bercanggah dengan pegangan ulama Ahlu Sunnah wal Jemaah. Menurut ulama Ahlu Sunnah wal Jemaah, konsep ismah hanya terpakai kepada baginda terhadap nabi dan para rasul sahaja. Seseorang manusia biasa, mereka tidak terlepas dari melakukan dosa dan kesalahan. Adapun para nabi dan rasul, mereka diberi tanggungjawab untuk membawa manusia ke arah jalan yang benar, maka Allah SWT menganugerahkan sifat ismah untuk memperkuatkan lagi mukjizat kepada mereka di samping untuk membuktikan kebenaran risalah mereka.

Hadis dan kefahamannya di sisi Syiah dan Ahlu Sunnah wal Jemaah

Untuk melihat lebih jelas tentang periyawatan Syiah ini, pengkaji membawa datang perbandingan periyawatan hadis antara kelompok Ahlu Sunnah wal Jemaah dan Syiah. Perbandingan ini dibuat agar perbezaan prinsip ilmu hadis antara kedua-dua kumpulan ini dapat dilihat dengan jelas.

Hadis di sisi Syiah

Di sisi Syiah, hadis merupakan antara sumber utama dalam perundangan Islam kerana keperluannya dalam memberi penerangan terhadap hukum syariat di samping sumber utama lain seperti al-Quran, ijma' dan akal. Adapun ayat-ayat al-Quran terutama sekali yang berkaitan dengan ayat hukum, ia adalah terbatas bilangannya dan tidak memerlukan pandangan seseorang faqih untuk memahami ayat-ayat tersebut. Hadis atau Sunnah ini akan menperincikan lagi ayat-ayat hukum tadi samada sebagai mengkhususkan perkara umum, mentaqyidkan perkara mutlak atau memperincikan ayat-ayat yang mujmal^{xvii}.

Hadis di sisi Syiah ialah "بما جاء عن المعصوم، من النبي، والامام" yang bermaksud ‘sesuatu yg datang dari alma’sum iaitu dari nabi dan imam’. Ia juga dikatakan lebih umum dari khabar^{xviii}. Manakala terdapat juga kefahaman lain tentang maksud hadis di sisi Syiah iaitu menurut As-Sadr, dan As-Subhani,2012, hadis ialah ‘perkataan dari orang yang ma’sum, atau hikayat perkataannya, atau perbuatannya atau pengakuannya’. Adapun hadis yang tidak berakhir sanad dengan al-ma’sum (imam) maka ia bukan dinamakan hadis. Secara umumnya, hadis itu boleh dikatakan yang berkahir dengan nabi SAW atau salah seorang sahabat mahupun para tabiin^{xix}.

Al-Ma’sum dalam pandangan Syiah tidak hanya terbatas kepada para nabi dan rasul sahaja bahkan menurutnya para imam juga termasuk dalam kategori ini. Ada juga yang berpendapat yang lebih ekstrim dengan mengatakan para imam mereka jauh lebih tinggi kedudukannya dari pada nabi dan rasul kecuali Rasullah S.A.W^{xx}.

Dalam aspek penelitian hadis, mereka mempunyai dua kelompok besar iaitu Ikhbariyyun dan Ushuliyyun. Kumpulan Ikhbariyyun adalah golongan Syiah yang melarang ijtihad dan hanya mengamalkan ‘khabar-khabar’ yang terdapat dalam empat kitab hadith mereka iaitu Al-Kafi, Man La Yahdhuruhu al-Faqih, Al-Tahzib dan Al-Istibshar. Mereka beritiqad dan mengimani dengan segala apa yang terkandung dalam kitab tersebut kerana semua ajaran itu adalah dari para imam mereka. Pembahagian kedudukan hadith seperti shahih, hasan, dhaif dan sebagainya juga tidak diperlukan kerana semuanya shahih. Oleh hal yang demikian, mereka juga disebut sebagai Al-Akhbariyah ,iaitu dinisbahkan kepada al-akhbar (khabar-khabar). Tokoh-tokoh kelompok ini antaranya ialah al-Kulainiy (m 329H) iaitu penulis Kitab Al-Kafi, Ibnu Babawaih AL-Qummy (m328H) iaitu penulis Man La Yahdhuruhu al-Faqih, dan al-Mufid (m413H) iaitu penulis Awa'il al-Maqalat.

Sementara itu kelompok Ushuliyyun adalah yang berpegang kepada perlunya berijtihad kerana hukum syariat terdiri dari Al-Quran, hadith, ijma' dan dalil ‘aqli. Mereka juga berpendapat bahawa keempat-empat kitab pegangan mereka itu hadith di dalamnya terdiri dari yang shahih, hasan dan dhaif. Oleh hal demikian, kajian terhadap sanad diperlukan untuk dijadikan hukum dan landasan syariat. Tokoh-tokoh kelompok ini antaranya ialah al-Thusy iaitu penulis Al-Istibshar, al-Murthada yang dianggap menyusun Nahj al-Balaghah, Muhsin al-Hakim, al-Khu’iy dan al-Khumaini^{xxi}.

Hadis di sisi ulama Ahlu Sunnah wal Jemaah

Bagi ulama Ahlu Sunnah wal Jemaah, hadis dari sudut bahasa bermaksud sesuatu benda yang baru. Ia juga boleh membawa maksud khabar yang datang dari kelompok sedikit mahupun

kelompok banyak^{xxii}. Ia juga diertikan sebagai benda baru dan khabar^{xxiii}.

Manakala hadis dari sudut syara' Imam As-Sakhawi mengambil pandangan Al-Hafiz Ibn Hajar ialah apa-apa yang disandarkan kepada baginda Nabi SAW, seolah-olah ia bermaksud setiap apa yang berlawanan dengan al-Quran yang bersifat qadim. Ia juga boleh dita'rifkan sebagai apa yang disabdarkan kepada baginda Nabi SAW dari sudut perkataan, perbuatan, pengesahan, atau sifat sehingga termasuk juga tentang pergerakan atau assaknat, sama ada dalam keadaan sedar atau tidur, dan ia lebih umum dari maksud sunnah^{xxiv}.

Imam Nuruddin Itr (1979) pula mengatakan hadis ialah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad S.A.W samada perkataan, perbuatan, atau taqrir (pengakuan), sifat fizikal, akhlak atau sirah, atau sesuatu yang disandarkan kepada sahabah dan tabiin^{xxv}.

Ilmu Hadis di sisi Syiah

Ulama Syiah membawa pandangan, ilmu hadis ialah ilmu yang membahaskan tentang matan hadis, jalur sanad hadis, dari sudut kesahihannya dan apa yang berhajat atau berkaitan yang mana tujuannya adalah untuk mengetahui samada hadis itu diterima atau ditolak. Al-Amili memberi pandangan iaitu ilmu yang membahaskan tentang sanad dan matan hadis serta cara-cara bagaimana untuk mengambil hadis dan memperkatakannya atau meriwayatkannya^{xxvi}.

Ilmu Hadis di sisi Ahlu Sunnah wal Jemaah

Ilmu hadis menurut ulama Ahlu Sunnah wal Jemaah ialah pengetahuan tentang kaedah mengetahui keadaan perawi dan apa yang diriwayatkan^{xxvii}. Manakala menurut Abullaith ialah ilmu yang membahaskan tentang apa yang berkaitan dengan riwayat ilmu dirayah dari segi kaedah dan usul, contohnya perkaitan riwayat hadis yang berkaitan dengan bacaan, hafazan, pengumpulan dan penulisan hadis dalam kitab dan jenis-jenisnya, pembahagian hadis, kaedah-kaedah hukum ke atas hadis, penerangan tentang manhaj para muhaddithin dalam perbahasan jarh dan ta'dil, ilmu gharib hadis, ilmu nasakh Mansukh hadis, ilmu mukhtalaf dan musykil hadis, sebab turunnya hadis, dan 'albu'di dan zaman wa makan lilhadis. Ia juga dikenali dengan ilmu Mustalah Hadis, Usul Hadis, dan juga Ilmu Hadis Riwayah dan Dirayah^{xxviii}.

Maka melihat kepada penjelasan yang dikemukakan oleh pengkaji tentang perbezaan hadis dan ilmu hadis, boleh disimpulkan bahwasanya tidak ada dasar atau asas yang jelas dari pihak Syiah sendiri tentang maksud konsep hadis. Adapun di sisi Ahlu Sunnah wal Jemaah, semua ulama hadis membawa erti hadis dalam ruang lingkup yang sama iaitu merupakan segala apa yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sahaja, tidak dikaitkan dengan mana-mana para imam atau ulama' lain. Sedangkan di sisi Syiah, hadis ialah segala apa yang disandarkan kepada para imam yang ma'sum. Hal ini tidak memberi definisi yang jelas kerana pengertian seperti yang pengkaji jelaskan dalam pengertian di atas, ma'sum tidak boleh dipakai oleh orang lain selain nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah SWT sahaja. Perbezaan ini boleh membawa kepada keceluaran akar kefahaman tentang ilmu hadis dalam ruang lingkup kefahaman golongan mereka.

Begitu juga dengan perbezaan maksud ilmu hadis. Tidak ada perbezaan yang ketara antara kedua-dua kelompok ini. Secara umumnya boleh dikatakan semuanya berkaitan dengan kajian hadis dari sudut sanad dan matan. Namun yang memberi perbezaan yang ketara adalah

pada maksud hadis itu tersendiri. Definisi atau epistemologi hadis memberi kesan atau faktor kepada perbahasan atau kajian yang terkemudian dalam ilmu hadis. Jika definisi atau akar kepada ilmu hadis itu tidak tepat dan tidak jelas, maka ia akan memberi kesan kepada kecelaruan perbahasan ilmu hadis.

Kesahihan Hadis Menurut Syiah

Ulama mutaqaddimin Syiah membahagikan hadis kepada dua bahagian iaitu hadis muktabar dan tidak muktabar. Pembahagian ini berdasarkan dua kriteria iaitu kriteria dalaman dan luaran. Kriteria dalaman didasarkan kepada ketepatan periwayat dan kriteria luaran pula difokuskan kepada muktabarnya hadis yang dikaitkan dengan Zurarah, Muhammad ibn Muslim, dan Fudhail ibn Yasir. Jika hadis bertepatan dengan dua ciri di atas maka hadis tersebut dianggap sahih dan boleh dijadikan hujjah atau sandaran. Namun jika sebaliknya, maka hadis tersebut tidak menepati taraf hadis sahih dan tidak boleh dijadikan hujjah. Jumhur kelompok Syiah membahagikan hadis kepada mutawatir dan ahad^{xxix}.

Dalam kriteria kesahihan hadis Syiah, kedudukan dua belas imam adalah sama taraf dengan baginda Muhammad S.A.W . Ini bermakna segala apa yang diucapkan dan dituturkan oleh imam dua belas adalah sahih dan boleh dipakai sebagai hujjah. Perbezaan kredibiliti para imam dari sudut kecil dan dewasa pula tidak dibahaskan kerana menurut mereka, kedua belas para imam terjaga dari salah dan lupa sepanjang hidupnya (Muhammad Nasir, 2014).

Mereka telah mencipta pelbagai hujjah dan bukti agar ajarannya diterimakan oleh masyarakat sehingga hari ini. Pemahaman mereka terhadap Al-Quran dan Sunnah sungguh berbeza sehingga mempunyai jalur sanad dan kitab-kitab hadith dan rijal yang tersendiri kerana berbezanya pemahaman mereka tentang sunnah.

Kesahihan Hadis Menurut Ahlu Sunnah wal Jemaah

Pengkaji mengambil pendapat Ibnu Solah sebagai asas panduan kerana menurut sejarah beliau merupakan antara pelopor awal kepada perbahasan hadis secara sistematik yang mana cara penulisan hadis dalam kitabnya banyak diikuti oleh ulama-ulama hadis terkemudian. Hal ini diakui oleh Ibnu Khallikan dalam kitabnya Wafayat Al-A'yan, Imam Az-Zahabi dalam kitabnya Tazkirah Al-Huffaz, As-Subki dalam kitabnya Tabaqat Asy-Syafiyyah dan ramai lagi^{xxx}.

Hadis sahih menurut Ibnu Solah ialah hadis musnad yang bersambung sanadnya, dinaqal dan tidak syaz dan juga tidak ‘illah^{xxxii}. Ia juga boleh diistilahkan dengan hadis yang sanadnya bersambung, diriwayatkan oleh perawi yang ‘adil, sempurna ingatan (dhabit), dari awal hingga akhir sanad tanpa wujud syaz dan kecatatan yang buruk (‘illah)^{xxxiii}.

Menurut Ibnu Solah (1998), terdapat lima (5) syarat untuk hadis itu dikelaskan sebagai sahih ialah:

1. Bersambung sanad, iaitu hendaklah setiap orang dari perawi bertalaqqi dari mereka sebelumnya dengan jalan yang diterima.
2. Hendaklah seseorang perawi itu memiliki sifat adil. Seseorang perawi itu perlulah menjauhi benda maksiat dan menjauhi sifat berbohong serta menjaga maruah.

3. Hendaklah seseorang itu ada sifat ‘dhabit’.

Sifat ‘dhabit’ ini bermaksud seseorang perawi itu menjaga hafazan hadis samada di dada mahupu dalam penulisan. Kemudian boleh menghadirkan diri ketika sesi “al-ada”’. Syarat ini juga boleh membawa maksud tidak lupa, dan tidak bermudah-mudah ketika sesi ‘attahammul wal ada’’.

- a. Terhindar dari ‘syaz’.

‘Syaz’ ialah hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang dipercayai (thiqah) bertentangan dengan perawi yang lebih dipercayai atau kumpulan yang dipercayai.

- b. Tiada kecatatan (‘illah)

Iaitu hadis itu terhindar dari kecatatan yang boleh menjatuhkan potensi kesahihan sesuatu hadis.

Takhrij dan Ulasan

Hadis pertama:

إذا كان يوم القيمة لم تزل قدما عبد يوم القيمة حتى يسأل عن أربع: عن عمره فيم أفناه، وعن شبابه فيم
أبلاه وعما اكتسبه من أين اكتسبه وفيه أنفقه وعن حِنْنا أهل البيت.^{xxxiii}

Terjemahan: Pada hari kiamat, seorang hamba tidak akan bergeser kedua kakinya hingga ditanya tentang empat perkara: 1. Tentang umurnya untuk apa dihabiskan. 2. Tentang masa mudanya dengan apa ia lalai. 3. Tentang hartanya darimana diperoleh dan ke mana diinfakkan. 4. Tentang kecintaannya kepada kami (ahlu bait).

Dalam kitab Sunan At-Tirmizi^{xxxiv}, terdapat hadis yang diriwayatkan oleh Abu Barzah, iaitu:

عن أبي بربة الأسلمي، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ((لا تزول قدما عبد يوم القيمة حتى
يسأل عن عمره فيما أفناه، وعن علمه فيما فعل، وعن ماله من أين اكتسبه وفيه أنفقه، وعن جسمه فيما أبلاه
((^{xxxv}

Terjemahan: Dari Abu Barzah Al Aslami berkata: Rasulullah SAW bersabda: Dua kaki seorang hamba tidak akan bergerak (pada hari kiamat) sehingga dia ditanya tentang umurnya, kemana dihabiskan, tentang ilmunya apakah yang telah dilakukan dengan ilmunya, tentang hartanya dari mana diperolehi dan kemana dibelanjakan dan tentang tubuh badannya untuk apa digunakannya”.

Hadis Kedua:

إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورَكُمْ وَلَا إِلَى أَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ^{xxxvi}
Terjemahan: Allah SWT tidak menilai rupa atau harta kalian tapi Allah menilai hati dan perbuatan kalian.

Dalam kitab Ahlu Sunnah wal Jemaah, iaitu dalam kitab Sahih Muslim^{xxxvii}, ada disebut hadis ini, iaitu:

عن أبي هريرة، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إن الله لا ينظر إلى صوركم وأموالكم، ولكن
ينظر إلى قلوبكم وأعمالكم^{xxxviii}

Terjemahan: Sesungguhnya Allah SWT tidak menilai rupa atau harta kamu tapi Allah menilai hati dan amalan kamu.

Hadis ketiga:

أربع من كن فيه فهو منافق خالصا، وان كانت واحدة منهن كانت فيه خصلة من النفاق حتى يدعها: من
إذا حدث كذب، وإذا وعد لخفا، وإذا عاهد غدر، وإذا خاصم فجر^{xxxix}.

Terjemahan: Empat perkara yang menjadi tanda kemunafikan. Dan jika salah satunya ada pada seseorang maka dia telah menyandang sebahagian tanda tersebut sehingga ia meninggalkannya. Iaitu, jika ia berbicara ia berbohong, jika berjanji ia mengingkari, jika bekerjasama akan menipu, dan jika bermusuhan akan menganai.

Dalam kitab Sahih Muslim^{xl}, para muhaddisin menulisnya dalam sabda baginda SAW:

عن عبد الله بن عمرو أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: أربع من كن فيه كان منافقاً خالصاً، ومن كانت
فيه خصلة منهن كانت فيه خصلة من النفاق حتى يدعها: إذا اؤتمن خان، وإذا حدث كذب، وإذا عاهد غدر،
وإذا خاصم فجر^{xli}.

Terjemahan: "Ada empat perkara jika seseorang yang mempunyai empat perkara tersebut, maka dia merupakan orang munafik. Seseorang yang bersifat dengan salah satu daripadanya bererti dia bersifat kemunafikan, sehinggalah dia meninggalkannya iaitu apabila bercakap dia berbohong, apabila membuat persetujuan dia mengkhianati, apabila berjanji dia menyalahi dan apabila berlaku pertikaian dia melampaui batas"

Hadis Keempat:

القضاة أربعة: ثلاثة في النار وواحد في الجنة: رجل قضى بجور وهو يعلم فهو في النار، ورجل قضى
بجور وهو لا يعلم فهو في النار، ورجل قضى بحق وهو لا يعلم فهو في النار، ورجل قضى بحق وهو
يعلم فهو في الجنة^{xlii}.

Terjemahan: Hakim itu ada empat, yang tiga di neraka sedang yang satu di syurga. Yang mengadili dengan zalim (tidak adil) dia masuk neraka. Yang mengadili dengan zalim tanpa pengetahuan dia juga di neraka. Yang benar dalam mengadili, namun tidak tahu akan kebenarannya juga di neraka. Sedang yang masuk syurga iaitu yang mengadili dengan kebenaran dan dia tahu kebenaran itu.

Dalam Sunan Tirmizi^{xliii}, ia didatangkan dengan lafaz seperti berikut:

عن ابن بريدة، عن أبيه، أن النبي صلى الله عليه وسلم قال: "القضاة ثلاثة: قاضيان في النار، وقاض في الجنة، رجل قضى بغير الحق فعلم ذاك فذاك في النار، وقاض لا يعلم فأهلك حقوق الناس فهو في النار، وقاض قضى بالحق فذلك في الجنة"

Terjemahan: "Hakim itu ada tiga, dua di neraka dan satu di syurga: seseorang yang menghukumi secara tak benar padahal ia mengetahui mana yang benar, maka ia di neraka, seorang hakim yang bodoh lalu menghancurkan hak-hak manusia, maka dia di neraka, dan seorang hakim yang menghukumi dengan benar, maka dia masuk syurga.

Hadis kelima:

بئس العبد عبد يكون ذا وجهين وذا لسانين، يطري أخاه شاهدا ويأكله غائبا، إن أعطي حسده، وإن ابنتي
xliv خذله

Terjemahan: Seburuk-buruk hamba iaitu yang mempunyai dua wajah dan dua lisan. Jika dia di hadapan temannya dia memujinya dan jika dibelakangnya dia akan mangangjingnya. Jika temanmu diberi sesuatu dia merasa hasad dan jika temannya diuji dengan musibah dia membiarkannya (tidak menolongnya).

Dalam Sahih Muslim^{xlv}, terdapat hadis yang dijelaskan lafaznya seperti berikut:

عن أبي هريرة، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم، قال: إن من شر الناس، ذا الوجهين، الذي يأتي هؤلاء
xlvii بوجه، وهؤلاء بوجه

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Seburuk-buruk manusia adalah orang yang bermuka dua, dia datang ke sesetengah kelompok dengan suatu wajah atau sikap dan dia datang ke kelompok yang lain dengan wajah atau sikap yang lain".

Ulasan dan Kesimpulan:

Berdasarkan kepada kelima-lima hadis yang dibawa datang oleh pengkaji, hadis yang terdapat dalam kitab Syiah tiada sanad yang sampai kepada baginda SAW. Walaupun ia mirip dan membawa maksud dalam konteks yang lebih kurang sama dengan hadis-hadis yang dibawa datang dari kutubussittah, namun ia tidak menatijahkan hadis mereka sahih kerana hadis tersebut tiada sanad dan tidak terdapat dalam mana-mana kitab hadis Ahlu Sunnah wal Jemaah.

Hal ini jelas memberi gambaran kepada kita bahawa dunia hadis mempunyai cabaran yang besar untuk dipertahankan kesuciannya melalui sanad yang sahih. Usaha kumpulan Syiah mereka dan mencipta hadis seakan sama sepertimana contoh-contoh di atas menunjukkan bahawasanya mereka sentiasa proaktif dalam usaha untuk cuba mempengaruhi amalan masyarakat walaupun ajaran mereka telah diharamkan oleh JAKIM. Suasana ini memberi kesan atau pengaruh yang negatif kepada golongan yang mudah berpegang dengan hadis-hadis yang tersebar tanpa usul periksa apatah lagi jika mereka tidak memiliki ilmu asas tentang hadis.

Oleh hal yang demikian, penting kepada masyarakat untuk mengetahui ilmu-ilmu asas tentang hadis dan sentiasa merujuk kepada pihak yang pakar dan berwajib untuk setiap perkara yang meragukan. Keadaan dunia yang tiada sempadan pada hari ini boleh menjadikan apa-apa penulisan dapat diterima baik oleh pengguna seligamna ia memberi nasihat dan galakan yang baik. Amalan ‘semak sebelum sebar’ juga wajar dijadikan pegangan sehari-hari untuk mengelakkan dari taasub dan mengamalkan perkara yang palsu atau tiada asas dalam agama. Para cendekiawan dan ilmuan pula digesa untuk sentiasa proaktif dalam memberi panduan dan penjelasan tentang budaya-budaya ilmu yang diterapkan oleh Rasulullah SAW agar masyarakat sentiasa berada dalam suasana yang sejahtera dan subur dengan ilmu dan panduan yang benar.

RUJUKAN

- Al-Quran
- Ahmad Amin. (1969). *Fajr Al-Islam*. Beirut: Dar Al-Kitab Al-‘Arabiyy. Cet. 2.
- Al-Fairuz Aabadi, Muhammad bin Ya’qub. (2005). *Al-Kamus Al-Muhit*. Beirut: Ar-Risalah. Cet.8.
- Al-Jaizawi, Asyraf (2009). *Ilmu al-Hadis baina Asolah Ahli As-Sunnah wantiha As-Syiah*. Mesir: Dar Al-Yaqin.
- Al-Khair Aabadi, Muhammad Abullaith. (2011). *Ulum Al-Hadis Asiluha wa Ma’asiruha*. Malaysia: Dar As-Syakir.
- Al-Majlisi, Muhammad Baqir. (1999). *Al-‘Aqaid*. Iran: Muassasah Al-Huda. Cet. 1.
- Al-Zahabi, Shamsuddin Abu Abdullah Muhammad. (1963). *Mizan al-I’tidal fi Naqd ar-Rijal*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Amin, A. P. (2018). Historiografi Pembukuan Hadis Menurut Sunni Dan Syi’ah. *Al-Dzikra: Jurnal Studi Ilmu al-Qur'an dan al-Hadits*, 12(1), 75-110.
- An-Najashi, Abu Al-Abbas Ahmad bin Ali An-Najashi Al-Kufi (1418H). *Rijal An-Najashi*. Iran: Muassasah An-Nasir Al-Islami.
- As-Sadr, Sayyid Hasan. (1354H). *Nihayatu Ad-Diraayah*. Qum: Nasyr Al-Masy’ar.
- As-Sakhawi, Shamsuddin Abulkhair Muhammad bin Abdurrahman Asyafie (1426H) *Fathul Mughith*. Riyadh:Al-Mamlakah Al-Arabiyyah As-Sa’udiyyah. Cet.1.
- As-Soduq. (1413H). *Al-I’tiqadat*. Qum: Al-Mu’tamar Al-‘Aalami.
- As-Subhani, Syeikh Ja’far. (2013). *Kuliyyat fi Ilmi Rijal*. T.t.
- Assyahid Atthani. (1408H). *Arri’ayah fi Ilmi Addirayah*. Qum: Al-Muqaddasah Maktabah Ayatullah Al-‘Uzma. Cet 2.
- As-Syahrastani, Abdul Karim. (1992). *Al-Milal wa An-Nihal*. Beirut: Dar Al-Kutub Al Ilmiyyah. Cet.2.
- At-Tirmizi,Muhammad bin Isa. (1975). *Sunan At-Tirmizi*, Mesir: Syarikat Al-Halbi.
- Baqir Al-Majlisi, Bihar Al-Anwar, (1983). Beirut: Dar Ihya’ At-Turath.
- Ghouri, Syed Abdul Majid Ghouri. (2011). *Al-Muyassar fi Ilmi Mustalah Al-Hadis Pengenalan Ilmu Mustalah Al-Hadith*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Ibnu Asakir, Abu Al-Qasim Ali bi Hasan. (1995) *Tarikh Madinah Dimasyq*. t.p: Dar Al-Fikr.
- Ibnu Manzur, Muhammad Bin Makram Bin Ali Jamaluddin. (2010). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar As-Sadr. J15.

- Ibnu Solah, (1406) Ma'rifah Anwa' Ulum Hadis (Muqaddimah Ibnu Solah).
- Ibnu Syu'bah Al-Harani (1404) Tuhfah Al-'Uqul, Iran: Muassasah Islami.
- Ibnu Taimiyyah, Abu Al-Abbas Taqiyuddin. (1986). Mihaj As-Sunnah An-Nabawiyyah. Tahqiq: Muhammad Rasyad Salim. t.t.
- Itr, Nuruddin. (1979). Manhaj Annaqd fi Ulum Al-Hadis, Dimasyq: Dar Al-Fikr. Cet.2.
- Mas'od, M. A., & Hamat, M. F. (2019). Pemikiran Skeptikal Syiah Terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Dalam Karya-Karya Syiah Melayu: Satu Kritikan: Shi 'ite's Sceptical View Towards Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah in Malay Shi 'ite Works: A Critic. Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 21(1), 1-52.
- Muslim, Al-Hajjaj An-Nisaburi. Sahih Muslim. (t.t). Beirut: Dar Ihya' At-Turath.
- Shayuthy, Asas Kenali Hadis Sahih, Dhaif dan Palsu, (2016), Selangor: Malaha PLT.
- Soduq, Al-Khisol. (1403) .t.t:Mansyuraat Jamaah Al-Mudarrisin.

ⁱ Al-Khair Aabadi, Muhammad Abullaith (2011), Ulum Al-Hadis Asiluha wa Ma'asiruha. Malaysia: Dar As-Syakir.

ⁱⁱ Ghouri, Syed Abdul Majid Ghouri (2011) Al-Muyassar fi Ilmi Mustalah Al-Hadis Pengenalan Ilmu Mustalah Al Hadith. Selangor: Darul Syakir Enterprise, 67.

ⁱⁱⁱ Mas'od, M. A., & Hamat, M. F (2019) Pemikiran Skeptikal Syiah Terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Dalam Karya-Karya Syiah Melayu: Satu Kritikan: Shi 'ite's Sceptical View Towards Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah in Malay Shi 'ite Works: A Critic. Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 21(1), 1-52.

^{iv} Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah (1988) Mu'jam Alfaz Al-Quran Al-Karim. Kaherah:Al-Idarah Al-'ammah Lil Mu'jamat wa Ihya' At-Turath. J.1.

^v Ibnu Manzur, Muhammad Bin Makram Bin Ali Jamaluddin (2010) Lisan Al-Arab. Beirut: Dar As-Sadr. J15.

^{vi} Al-Jaizawi, Asyraf (2009) Ilmu al-Hadis baina Asolah Ahli As-Sunnah wantihal As-Syiah. Mesir: Dar Al-Yaqin.

^{vii} As-Syahrastani, Abdul Karim (1992). Al-Milal wa An-Nihal. Beirut: Dar Al-Kutub Al Ilmiyyah. Cet.2.

^{viii} Ibnu Asakir, Abu Al-Qasim Ali bi Hasan (1995) Tarikh Madinah Dimasyq. t.p: Dar Al-Fikr.

^{ix} Ibnu Taimiyyah, Abu Al-Abbas Taqiyuddin (1986) Mihaj As-Sunnah An-Nabawiyyah. Tahqiq: Muhammad Rasyad Salim. t.t.

^x An-Najashi, Abu Al-Abbas Ahmad bin Ali An-Najashi Al-Kufi (1418H) Rijal An-Najasyi. Iran: Muassasah An-Nasyr Al-Islami.

^{xi} Al-Zahabi, Shamsuddin Abu Abdullah Muhammad. (1963). Mizan al-I'tidal fi Naqd ar-Rijal. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

^{xii} Amin, A. P. (2018). Historiografi Pembukuan Hadis Menurut Sunni Dan Syi'ah. Al-Dzikra: Jurnal Studi Ilmu al-Qur'an dan al-Hadits, 12(1), 75-110.

^{xiii} Ahmad Amin (1969) Fajr Al-Islam. Beirut: Dar Al-Kitab Al-'Arabiyy. Cet. 2.

^{xiv} Al-Jaizawi,) Ilmu al-Hadis baina Asolah Ahli As-Sunnah wantihal As-Syiah.

^{xv} As-Soduq. (1413H). Al-I'tiqadat. Qum: Al-Mu'tamar Al-'Aalami.

^{xvi} Al-Majlisi, Muhammad Baqir. (1999). Al-'Aqaid. Iran: Muassasah Al-Huda. Cet. 1.

^{xvii} As-Sadr, Sayyid Hasan (1354H) Nihayatu Ad-Diraayah. Qum: Nasyr Al-Masy'ar.

^{xviii} Assyahid Athhani. (1408H). Arri'ayah fi Ilmi Addirayah. Qum: Al-Muqaddasah Maktabah Ayatullah Al-'Uzma. Cet 2.

^{xix} As-Subhani, Syeikh Ja'far. (2013). Kuliyyat fi Ilmi Rijal. T.t.

^{xx} Ahmad, J. (2017). 'Hadist dan Ilmu Hadist dalam Pandangan Syiah. Sekolah Pascasarjana UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.

^{xxi} Ahmad, J. (2017). 'Hadist dan Ilmu Hadist dalam Pandangan Syiah. Sekolah Pascasarjana UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.

^{xxii} Ibnu Manzur, Muhammad Bin Makram Bin Ali Jamaluddin. (2010). Lisan Al-Arab. Beirut: Dar As-Sadr. J15.

^{xxiii} Al-Fairuz Aabadi, Muhammad bin Ya'qub. (2005). Al-Kamus Al-Muhit. Beirut: Ar-Risalah. Cet.8.

^{xxiv} As-Sakhawi, Shamsuddin Abulkhair Muhammad bin Abdurrahman Asyafie (1426H) Fathul Mughith. Riyadh:Al-Mamlakah Al-Arabiyyah As-Sa'udiyyah. Cet.1.

^{xxv} Itr, Nuruddin. (1979). Manhaj Annaqd fi Ulum Al-Hadis, Dimasyq: Dar Al-Fikr. Cet.2.

^{xxvi} As-Subhani, Syeikh Ja'far. (2013). Kuliyyat fi Ilmi Rijal. T.t.

^{xxvii} As-Sakhawi, Shamsuddin Abulkhair Muhammad bin Abdurrahman Asyafie (1426H) Fathul Mughith. Riyadh:Al-Mamlakah Al-Arabiyyah As-Sa'udiyyah. Cet.1.

- xxviii Al-Khair Aabadi, Muhammad Abullaith (2011) *Ulum Al-Hadis Asiluha wa Ma'asiruha*. Malaysia: Dar As-Syakir.
- xxix Ibnu Solah, (1406) *Ma'rifah Anwa' Ulum Hadis* (Muqaddimah Ibnu Solah).
- xxx Ibnu Solah, (1406) *Ma'rifah Anwa' Ulum Hadis* (Muqaddimah Ibnu Solah).
- xxxi *Ibid*
- xxxii Shayuthy, Asas Kenali Hadis Sahih, Dhaif dan Palsu, (2016), Selangor: Malaha PLT, 55.
- xxxiii Ibnu Syu'bah Al-Harani, (1404) *Tuhfah Al-'Uqul*, Iran: Muassasah Islami, 56.
- xxxiv At-Tirmiz, Muhammad bin Isa (1975), *Sunan At-Tirmizi*, Mesir: Syarikat Al-Halbi, j4, 612.
- xxxv At-Tirmizi, Abwab Sifat Al-Qiyamah wa Ar-Raqaiq wa Alwara', Bab Fi Al-Qiyamah, no hadis 2416.
- xxxvi Baqir Al-Majlisi, Bihar Al-Anwar (1983) Beirut: Dar Ihya' At-Turath, j74, 88.
- xxxvii Muslim, Sahih Muslim, (t.t) Beirut: Dar Ihya' At-Turath, j4, 1987.
- xxxviii Sahih Muslim, Kitab Al-Birr wa As-Silah wa Al-Adab, Bab Tahrim Zalm Al-Muslim, wa Khazlhu, wahtiqaarahu wa Dammuhu, wa 'Ardhuhu, wa Maaluhu, no hadis 2564.
- xxxix Soduq, Al-Khisol (1403) t.t: *Mansyuraat Jamaah Al-Mudarrisin*, j1, 254.
- xli Muslim, Sahih Muslim, (t.t) Beirut: Dar Ihya' At-Turath, j1, 78.
- xlii Muslim, Kitab Al-Iman, Bab Bayan Khisol Al-Munafiq, nombor hadith 106.
- xlii Ibnu Syu'bah Al-Harani, (1404) *Tuhfah Al-'Uqul*, Iran: Muassasah Islami, 365.
- xliii At-Tirmiz, Muhammad bin Isa (1975), *Sunan At-Tirmizi*, Mesir: Syarikat Al-Halbi, j3, 605.
- xliv Op.cit, 488.
- xlv Muslim, Sahih Muslim, (t.t) Beirut: Dar Ihya' At-Turath, j4, 2011.
- xlii Sahih Muslim, Kitab Al-Birr wa As-Silah wa Al-Adab, Bab Zammi Zi Al-Wajhain wa Tahrim Fi'lihi, no hadis 98.